# KISAH KEJAYAAN SUKU TAHUN PERTAMA 2017 PUSAT INTERNET 1MALAYSIA KG ULU SEPERI

**Types of Success Story** *(please tick (√) one)*

- ☑ Keusahawanan
- ☐ Celik ICT / Komuniti Pintar

**Service Provider** *(please tick (√) one)*

- ☑ Telekom Malaysia (TM)
- ☐ Celcom
- ☐ Maxis
- ☐ Digi
- ☐ Packet 1 (P1)
- ☐ Time
- ☐ Redtone
- ☐ Danawa

| ITEM JENIS | MAKLUMAT |
|---|---|
| **Maklumat PI1M** | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Nama PI1M** | *PI1M KG ULU SEPERI* | | |
| **Nama Pengurus** | *NUR FARAZIAH BINTI MD JAMIL* | **No. Telefon** | *0129805760* |
| **Nama Penolong Pengurus** | *NURFAIZZIN BINTI MUSA* | **No. Telefon** | *0136127674* |
| **Email** | *uluspri@pi1m.com.my* | | |

**Lokasi**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Daerah** | *JELEBU* | **DUN** | *CHENNAH* |
| **Mukim** | *GELAMI LEMI* | **Parlimen** | *P.126-JELEBU* |
| **Negeri** | *NEGERI SEMBILAN* | | |

PI1M ULU SEPRI

<table>
<tr><th>ITEM JENIS</th><th>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td>Maklumat Individu/ Organisasi</td><td>
<table>
<tr><td>Nama</td><td>PUTRI HALIMATUSSAADIAH BT DOR JASMIN</td><td>Umur</td><td>18</td></tr>
<tr><td>Email</td><td>trisu36@gmail.com</td><td>No. Telefon</td><td>019-6533894</td></tr>
<tr><td>Alamat</td><td>106 TAMAN KSM, KAMPUNG LARONG,71600 KUALA KLAWANG JELEBU NEGERI SEMBILAN</td><td>Tahun menjadi Ahli PI1M</td><td>14 FEBRUARI 2015</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Bentuk perniagaan</td><td>Usahawan yang mengusahakan penjualan produk atas talian (online)</td></tr>
<tr><td>Kisah kejayaan</td><td>
<u>Latar belakang</u><br><br>
Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi khasnya internet pada hari ini telah banyak menyumbang dalam kemajuan bidang perniagaan. Seperti yang umum ketahui, fungsi internet yang paling utama adalah sebagai satu platform kepada entiti perniagaan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan tanpa halangan kos, masa dan tempat. Jelasnya, internet menawarkan banyak kemudahan tambahan kepada perniagaan biasa.<br><br>
Saya mengetahui mengenai Pusat Internet 1Malaysia ini melalui bapa saya sendiri kerana bapa saya seringkali menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan di Pusat Internet 1Malaysia ini terutamanya perkhidmatan cetakan dan fotostat. Setelah mengetahui terdapat kelas yang berkaitan dengan usahawan dijalankan, saya nekad untuk mendaftar sebagai ahli dengan bayaran RM5.00 seumur hidup. Hal ini demikian kerana, petugas Pusat Internet 1Malaysia memaklumkan bahawa dengan menjadi ahli saya boleh mengikuti kelas yang dijalankan secara percuma malahan saya juga boleh mendapatkan perkhidmatan di sini dengan lebih murah dan menjimatkan.<br><br>
Saya mengambil keputusan untuk mengikuti siri latihan kelas yang diadakan disini bagi mengisi masa lapang saya memandangkan saya merupakan pelajar lepasan SPM dan sedang menunggu keputusan peperiksaan. Dengan adanya pengetahuan ilmu yang saya dapat sini, saya mampu untuk membuka perniagaan secara atas talian dan secara tidak langsung dapat menjana pendapatan sampingan.
</td></tr>
</table>

PI1M ULU SEPRI

| ITEM JENIS | MAKLUMAT |
|---|---|
| | **<u>Sebelum penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u>**<br><br>*Sebelum mengikuti siri latihan kemahiran keusahawanan yang dijalankan di Pusat Internet 1Malaysia ini, sememangnya saya kurang pendedahan mengenai ilmu teknologi maklumat apatah lagi mengenai ilmu perniagaan / kemahiran keusahawanan. Hal ini demikian kerana, sebelum ini saya hanya menggunakan media sosial seperti Facebook dan Instagram sebagai medium untuk berhubung dengan rakan-rakan sahaja. Selain itu, sebelum mengikuti siri latihan kemahiran keusahawanan di Pusat Internet 1Malaysia ini, saya seringkali mengunjungi ke sini hanya untuk menggunakan perkhidmatan komputer dan internet.*<br><br>**<u>Selepas penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u>**<br><br>*Terdapat banyak perubahan yang dapat dilihat selepas tamat siri latihan kemahiran keusahawanan yang saya sertai di Pusat Internet 1Malaysia Ulu Sepri ini. Saya kini lebih bersemangat untuk meneruskan perniagaan atas talian saya dan secara tidak langsung dapat memanfaatkan ilmu yang saya peroleh di sini. Selain itu, jika terdapat sebarang permasalahan saya akan merujuk kepada petugas di Pusat Internet 1Malaysia untuk memberi tunjuk ajar kepada saya.*<br><br>*Selanjutnya, melalui kelas latihan keusahawanan yang diadakan di Pusat Internet 1Malaysia Ulu Sepri ini, saya kini telah memiliki facebook page untuk perniagaan atas talian saya. Petugas disini turut memberi tunjuk ajar kepada saya cara-cara untuk mempromosikan produk jualan saya secara sistematik dan teratur. Saya juga di ajar menggunakan aplikasi media baru yang terkini iaitu Instagram sebagai medium tambahan untuk mempromosikan produk/perkhidmatan saya. Ini secara tidak langsung akan membantu saya untuk menarik lebih ramai pelanggan.*<br><br>*Setelah membuat promosi di laman sosial Facebook seperti di facebook "Anak-anak Jelebu", terdapat peningkatan hasil jualan dari hari ke sehari. Dengan adanya ilmu pengetahuan yang saya peroleh di Pusat Internet 1Malaysia ini, menjadikan saya lebih bersemangat dan berwawasan untuk menjadi seorang usahawan atas talian yang berjaya.* |

PI1M ULU SEPRI

| ITEM JENIS | MAKLUMAT |
|---|---|
| **Penggunaan PI1M** | **<u>Apa yang dipelajari melalui PI1M</u>**<br><br>- *Mempelajari asas komputer dan internet melalui silibus Intel*<br>- *Mempelajari cara-cara untuk membuat page perniagaan di facebook*<br>- *Mempelajari cara membuat pemasaran online melalui facebook page di iaitu belajar memuat turun gambar ke dalam akaun facebook page.*<br>- *Mempelajari menggunakan aplikasi media baru yang terkini masa kini iaitu Instagram*<br>**<u>Bagaimana PI1M membantu perkembangan perniagaan/ peningkatan tahap kemahiran ICT</u>**<br><br>- *Pusat Internet 1Malaysia membantu mempromosikan produk jualan saya dengan menggunakan laman sosial seperti facebook page dan Instagram*<br>- *Memberi kelas tambahan dengan kerap lagi terutama cara pemasaran yang lebih menarik lagi.*<br>- *Produk lebih dikenali selepas membuat promosi di facebook page.* |
| **Online Platform** | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Laman Web** | - | **Blog** | - |
| **FB** | *Aredikk Putri* | **Instagram** | *hsaadiah033* |
| **Whatsapp** | *019-6533894* | | |

PI1M ULU SEPRI

| ITEM JENIS | MAKLUMAT |
|---|---|
| **Gambar & Keterangan** | i) Bengkel Latihan ICT/ Keusahawan yang dihadiri<br> <br>Caption : Petugas Pusat Internet 1Malaysia menerangkan mengenai silibus latihan berpandu yang akan dijalankan. Silibus merangkumi modul mengenai pengenalan pada sistem komputer,internet dan emel<br><br>ii) Produk / Hasil Transformasi<br>   <br>Caption :Antara produk yang dijual secara atas talian |

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td></td><td>

iii) Promosi di Media Sosial




Caption : Antara promosi di laman sosial facebook

</td></tr>
<tr><td>Maklumbalas</td><td>

***Maklumbalas terhadap latihan dan bantuan yang diberikan oleh pihak PI1M***

*Saya berpendapat bahawa silibus atau kelas kemahiran keusahawanan yang diadakan banyak memberi peluang pada masyarakat untuk menambah ilmu pengetahuan serta meningkatkan pengetahuan tentang dunia digital. Secara tidak langsung, dengan adanya ilmu pengetahuan yang ada dapat meningkatkan semangat saya untuk terus menjana pendapatan melalui perniagaan atas talian.*

</td></tr>
</table>